

AKHBAR : BERITAHARIAN
MUKA SURAT : 62
RUANGAN : SIHAT

Elak vaksin punca anak mudah sakit

➔ Ibu bapa enggan benarkan anak terima suntikan menidakkan hak si kecil nikmati kesihatan sempurna

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Seengah komplikasi jika tidak mengambil suntikan imunisasi mungkin tidak dapat dilihat dalam tempoh terdekat, tetapi berlaku dalam jangka masa panjang.

Sebagai contoh, kesan dijangkiti beguk berkemungkinan berisiko menyebabkan kemundulan hanya terbukti selepas anak berkahwin dan sukar mendapat zuriat.

Kanak-kanak yang tidak mendapat suntikan rubella pula, apabila mereka hamil, berisiko mengalami keguguran atau melahirkan bayi cacat dikenali sebagai sindrom kongenital rubella, iaitu sama seperti masalah pendengaran, mata dan jantung serta masalah autisme, diabetis melitus dan tiroid.

Wanita yang dijangkiti virus rubella pada awal kehamilan berisiko 90 peratus menjangkitkan virus berkenaan kepada bayinya.

Kedegilan ibu bapa yang enggan membenarkan anak disuntik dengan imunisasi seperti demam

campak, beguk dan rubella (MMR) menyebabkan penyakit seperti beguk dan demam campak masih menyerang mangsa.

Program suntikan imunisasi

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan, Dr Rozita Abdul Rahman, berkata demam campak masih dikategorikan sebagai endemik di negara ini berikutan masih terdapat kes dilaporkan.

"Sejak Januari hingga Jun lalu, kes demam campak menunjukkan peningkatan sehingga 33 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu, sejumlah 971 kes dilaporkan di seluruh negara berbanding 726 kes 2016.

"Sepatutnya penyakit seperti demam campak sudah tiada di sini, hasil kawalan menerusi program imunisasi negara," katanya.

Kira-kira 66 peratus kes demam campak membabitkan kanak-kanak berusia lima hingga tujuh tahun yang terpaksa berdepan komplikasi serius akibatnya.

Antara komplikasi demam campak termasuk boleh menyebabkan radang otak, radang paru-paru, telinga bernanah dan risiko ragut nyawa.

Demam campak berpunca daripada virus measles dan amat mudah berjangkit serta berbahaya disebarkan melalui cecair pernafasan apabila batuk atau bersin.

Virus ini juga boleh dijangkiti dengan menyentuh permukaan dicemari cecair pernafasan seperti alat permainan.

Disuntik imunisasi

Virus boleh berjangkit dalam tempoh lima hari sebelum ruam timbul sehingga lima hari selepasnya.

"Mereka yang dijangkiti akan mengalami gejala seperti demam panas, timbul ruam merah kecil, selesema, batuk, mata berair atau konjunktivitis dan sakit otot.

"Tiada rawatan khas bagi menyembuhkan demam campak tetapi komplikasi teruk boleh dielakkan sekiranya kanak-kanak diberi perlindungan imunisasi," katanya.

Katanya, penularan penyakit cegahannya vaksin boleh dikekang sekiranya keseluruhan masyarakat atau lebih 95 peratus dilindungi menerusi suntikan imunisasi.

Berdasarkan data imunisasi pada 2016 dan 2017, jumlah kanak-kanak yang disuntik terus menunjukkan penurunan.

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Negara, seramai 508,685 bayi dilahirkan pada tahun lalu. Hanya 489,016 kanak-kanak menerima suntikan MMR berbanding 500,557 orang daripada 508,203 kelahiran pada 2016.

"Suntikan lazimnya disebabkan suami menolak atau tidak mengizinkan isteri membawa anak untuk disuntik. Berdasarkan laporan, pada tahun lalu, 92 peratus membabitkan Melayu, Cina (dua peratus) India (satu peratus) tidak mendapat izin suami.

"Suri rumah yang tak bersetuju pula adalah sebanyak 61 peratus yang dipengaruhi keputusan untuk menolak suntikan dipengaruhi suami, kaitangan kerajaan (19 peratus) dan bakiya adalah swasta," katanya.



Sepatutnya penyakit seperti demam campak sudah tiada di sini, hasil kawalan menerusi program suntikan imunisasi negara"

Dr Rozita Abdul Rahman,
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga,
Jabatan Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan

